



**STRUKTUR PEKERJAAN BAGI**  
**SEKTOR INDUSTRI PERLOMBONGAN**  
**(Occupational Job Structures for The**  
**Mining Industry Sector)**



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**  
**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

Department of Skills Development  
Ministry of Human Resources, Malaysia

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>MUKASURAT</b>
<b>1. RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	1
<b>2. KONSEP DAN STRUKTUR KERANGKA KELAYAKAN KEMAHIRAN PEKERJAAN MALAYSIA (THE MALAYSIAN OCCUPATIONAL SKILLS QUALIFICATION FRAMEWORK - MOSQF)</b>	3
<b>3. INDUSTRI PERLOMBONGAN DI MALAYSIA – LATAR BELAKANG SEKTOR</b>	7
3.1 Pendahuluan	7
3.2 Definisi Sektor Perlombongan	7
3.3 Analisa Semasa Ke Atas Industri Perlombongan	8
3.4 Polisi dan Pelan Pembangunan Industri Perlombongan	8
3.5 Keperluan Tenaga Kerja Mahir Dalam Sektor Perlombongan Tempatan	10
3.6 Persaingan Industri Di Peringkat Antarabangsa	10
<b>4. METODOLOGI ANALISA PEKERJAAN – SEKTOR PERLOMBONGAN</b>	11
4.1 Kaedah Pembentukan Definisi Pekerjaan	11
4.2 Kaedah Keseluruhan Proses Analisa Pekerjaan	14
<b>5. PENEMUAN</b>	17
5.1 Sub sektor Baru Dikenalpasti	17
5.2 Tahap Kemasukan/ Laluan Kerjaya	27
5.3 Definisi Pekerjaan	29
5.4 Tajuk Pekerjaan Kritikal	29
<b>6. KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	37
<b>7. RUJUKAN</b>	38

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran 1: Senarai Panel Pakar dan Fasilitator Pembangunan Analisa Bidang Pekerjaan Sektor Perlombongan

Lampiran 2: Definisi Pekerjaan Dalam Sektor Perlombongan

**SENARAI RAJAH****MUKASURAT**

Rajah 2.1: MOSQF – Empat (4) Sektor Pendidikan Tinggi & Lapan (8)	4
Tahap Kelayakan	
Rajah 2.2: Gambaran Rangka Kerja Kelayakan Kemahiran Pekerjaan Malaysia (MOSQF)	6
Rajah 4.1: Contoh Pengenalpastian Objek	12
Rajah 5.1: Cadangan Analisa Pekerjaan (OA) Matriks Industri Perlombongan	20
Rajah 5.2: Cadangan Bidang Sokongan Operasi Perlombongan	21
Rajah 5.3: Cadangan Bidang Perlombongan Bawah Tanah	22
Rajah 5.4: Cadangan Bidang Perlombongan Terbuka	23
Rajah 5.5: Cadangan Bidang Kuari	24
Rajah 5.6: Cadangan Bidang Perlombongan Persisiran Pantai	25
Rajah 5.7: Cadangan Bidang Perlombongan Kapal Korek	26
Rajah 5.8: Jadual Tajuk Pekerjaan Kritikal dan Tidak Kritikal	32

## 1. RINGKASAN EKSEKUTIF

Perlombongan adalah salah satu industri utama di Malaysia. Bijih Timah yang merupakan penyumbang utama kepada ekonomi negara sehingga pertengahan 1980an, mula merosot berikutan kekurangan longgokan bahan asli bermutu tinggi ini. Harga Bijih Timah yang jatuh mendadak dan kos operasi yang tinggi mengekang keuntungan pengeluaran dan memaksa aktiviti-aktiviti perlombongan dihentikan. Menurut pakar-pakar industri ini, ia akan menjadi satu tanggungjawab yang berat untuk mempengaruhi pertukaran dalam industri timah tempatan yang mana baki longgokan timah yang tinggal kebanyakannya adalah bijih mutu rendah. Perkara ini mempunyai persamaan juga dengan kes bauksit yang mana ia telah mengalami kejatuhan pada tahap pengeluarannya sejak 2001. Pada awal tahun 1970an, minyak dan gas telah ditemui melalui perlombongan pesisir pantai Malaysia. Kini, ia berkembang dengan pesat hingga menjadi salah satu bahan eksport utama negara ini.

Sumber bahan mineral Malaysia yang dikenali adalah seperti *barite*, bauksit, tanah liat, arang batu, tembaga, emas, gas asli, *ilmenite*, bijih besi, *monazite*, petroleum, silikon, perak, *struverite*, bijih timah dan permata zirkon. Ketika abad ke-20, pengeluaran bahan mineral memainkan peranan penting kepada ekonomi Malaysia selepas bertahun-tahun eksplorasi bahan mineral seperti; *barite*, bauksit, tembaga, *ilmenite*, bijih besi dan bijih timah yang samada dihabiskan atau kapasiti pengeluaran bahan-bahan tersebut dikurangkan secara jelas dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Sepanjang tempoh sumbangannya kepada ekonomi negara, saham perlombongan telah berkurang kepada 6.3% dalam tahun 2006 daripada 6.7% dalam tahun 2005.

Perlombongan merangkumi pengekstrakan sumber yang tidak boleh dibaharui seperti yang dinyatakan diatas termasuk minyak dan gas. Industri minyak dan gas merupakan antara penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia. Industri ini amatlah luas dan terdiri daripada aktiviti hiliran dan huluan. Disebabkan skalanya yang besar, maka ia tidak dimasukkan kedalam rangka Analisa Pekerjaan Perlombongan ini dan dicadangkan agar didefinisikan dalam sebuah rangka analisa pekerjaannya tersendiri iaitu rangka Analisa Pekerjaan Industri Minyak dan Gas. Ini adalah agar amalan industri minyak dan gas dapat dilihat secara keseluruhan.

.

Kualiti dan kemahiran Sumber Manusia merupakan punca kejayaan dalam suatu industri. Kerjasama pembangunan Sumber Manusia antara pihak industri perlombongan, organisasi sektor awam dan pihak akademik yang kukuh sangat penting dalam usaha melahirkan pekerja yang berkualiti. Hasrat ini adalah selari dengan matlamat kita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi bagi semua sektor.

Bagi mengendalikan analisa struktur pekerjaan bagi industri Perlombongan, segala maklumat mengenai sektor perlombongan Malaysia telah didapati dan dihimpunkan dari kajian literasi dan sesi-sesi bengkel yang diadakan agar memperolehi kefahaman yang lebih jitu.

Perlombongan adalah industri yang berpotensi besar. Dengan sokongan kerajaan serta dilengkapi sumber manusia yang mencukupi, industri ini boleh dikembangkan lagi pada masa akan datang.

## **2. KONSEP DAN STRUKTUR KERANGKA KELAYAKAN KEMAHIRAN PEKERJAAN MALAYSIA (THE MALAYSIAN OCCUPATIONAL SKILLS QUALIFICATION FRAMEWORK - MOSQF)**

MOSQF adalah rangka kerja yang akan menjadi suatu sistem bersepadu untuk mengikat dan menghubung-kait ke semua kelayakan yang dianugerahkan di Malaysia. MOSQF akan menjadi satu alat yang membangun dan mengklasifikasikan kelayakan berdasarkan kepada satu set kriteria yang diluluskan di peringkat kebangsaan dan setanding dengan yang dipraktikkan di peringkat antarabangsa pada tahap pembelajaran yang dicapai oleh pelajar. Ini termasuklah hasil pembelajaran yang dicapai yang mana boleh menjelaskan lagi tahap pembelajaran berkaitan. Kriteria tersebut akan digunakan dan diterima oleh kesemua pusat akreditasi Jabatan Pembangunan Kemahiran (**Department of Skills Development (DSD)**). MOSQF dibangunkan berdasarkan kepada Rangka Kerja Kelayakan Malaysia (**Malaysian Qualifications Framework (MQF)**) dan juga berdasarkan rangka kerja yang digunakan serta dirujuk oleh negara lain seperti England, Wales & Northern Ireland, Australia, New Zealand dan Eropah. Oleh itu MOSQF membolehkannya menjadi satu alat terjemahan yang mana kelayakan boleh dibaca dan difahami merentasi pelbagai negara.

Rangka kerja dibangunkan supaya dapat meningkatkan sistem latihan kebangsaan semasa untuk semua pihak yang berminat seperti individu, penyedia latihan kemahiran, kerajaan, persatuan, badan profesional, industri dan komuniti Malaysia. MOSQF telah mengenalpasti lapan tahap kelayakan dalam empat sektor pendidikan. Empat sektor pendidikan tersebut adalah:

- Sektor kemahiran;
- Sektor vokasional dan teknikal;
- Sektor pembelajaran sepanjang hayat; dan
- Sektor pendidikan tinggi (universiti).

Kelapan-lapan tahap kelayakan boleh dilihat dalam Rajah 2.1: MOSQF- Empat (4) Sektor Pendidikan Tinggi & Lapan (8) Tahap Kelayakan.

Tahap Kelayakan	Sektor			Pembelajaran sepanjang Hayat
	Kemahiran/ PPT	Vokasional dan Teknikal	Akademik	
8	Doktor Kemahiran/ Diploma Profesional Lanjutan Kemahiran/ Meister Tinggi Kemahiran Malaysia		Ijazah Kedoktoran	
7	Sarjana Kemahiran/ Diploma Profesional Kemahiran/ Meister Kemahiran		Ijazah Sarjana	Pengakreditan Pengalaman Pembelajaran Terkumpul (PPPT)
			Sijil dan Diploma Pascasiswa	
6	Diploma Siswazah Kemahiran/ Sijil Profesional Kemahiran/ Diploma Lanjutan Tinggi Kemahiran		Ijazah Sarjana Muda	
			Sijil dan Diploma Siswazah	
5	Diploma Lanjutan Kemahiran	Diploma Lanjutan	Diploma Lanjutan	
4	Diploma Kemahiran Malaysia	Diploma	Diploma	
3	SKM Tahap 3	Sijil Vokasional & Teknikal	Sijil	
2	SKM Tahap 2			
1	SKM Tahap 1			

Rajah 2.1: MOSQF – Empat (4) Sektor Pendidikan Tinggi & Lapan (8) Tahap Kelayakan

*Sumber: MOSQ Division, Department of Skills Development*

*Tarikh Dikaji Semula: Jun 2008*

## RANGKA KERJA KEMAHIRAN PEKERJAAN MALAYSIA (MOSQF)

<b>Tahap</b>	<b>Deskripsi Tahap</b>
<b>1</b>	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk menggunakan pengetahuan, kemahiran dan prosedur yang relevan bagi menyelesaikan tugasan yang rutin dan dijangka yang mengandungi tanggungjawab bagi menyempurnakan tugasan dan prosedur berdasarkan halatuju atau panduan.
<b>2</b>	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk memilih dan menggunakan pengetahuan, idea, kemahiran dan prosedur yang relevan untuk menyelesaikan tugasan yang ditakrifkan dengan jelas dan mengemukakan masalah dengan jelas. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi menyelesaikan tugasan dan prosedur, dan pengamalan autonomi dan pengadilan berdasarkan kepada keseluruhan halatuju atau panduan.
<b>3</b>	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk mengenalpasti dan menggunakan pemahaman, kaedah dan kemahiran yang relevan untuk menyelesaikan tugasan dan mengemukakan masalah yang ditakrifkan dengan jelas dengan ukuran kerumitan. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi memulakan dan menyelesaikan tugasan dan prosedur sebagaimana pengamalan autonomi dan pengadilan di dalam parameter yang terhad. Ia juga menggambarkan kesedaran bagi perspektif yang berbeza atau pendekatan di dalam bidang kajian atau kerja.
<b>4</b>	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk mengenalpasti dan menggunakan pemahaman, kaedah dan kemahiran yang relevan untuk mengemukakan masalah yang ditafsirkan dengan jelas tetapi kompleks dan tidak rutin. Ia melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi keseluruhan haluan tindakan sebagaimana pengamalan autonomi dan pengadilan di dalam pelbagai parameter yang adil. Ia juga menggambarkan pemahaman tentang perbezaan perspektif atau pendekatan di dalam bidang kajian atau kerja.
<b>5</b>	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk mengenalpasti dan menggunakan pemahaman, kaedah dan kemahiran yang relevan untuk mengemukakan pelbagai tafsiran, masalah kompleks. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi perancangan dan pembangunan haluan tindakan sebagaimana pengamalan autonomi dan pengadilan di dalam pelbagai parameter. Ia juga menggambarkan pemahaman bagi perbezaan perspektif, pendekatan atau pendapat dan alasan disebaliknya.
<b>6</b>	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk memperbaiki dan menggunakan pemahaman, kaedah dan kemahiran yang relevan untuk mengemukakan masalah kompleks yang mempunyai definisi yang terhad. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi perancangan dan pembangunan haluan tindakan yang membolehkan untuk menyokong banyak perubahan atau pembangunan, sebagaimana pengamalan pelbagai autonomi dan pengadilan. Ia juga menggambarkan pemahaman bagi perbezaan perspektif, pendekatan sekolah bagi pendapat dan teori yang menyokongnya.
<b>7</b>	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk mengatur semula dan menggunakan pemahaman, kaedah-kaedah dan pendekatan yang relevan untuk mengemukakan situasi yang bermasalah yang melibatkan banyak faktor yang saling bertindak. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi perancangan dan pembangunan yang besar, sebagaimana pengamalan teori dan kaedah perspektif yang relevan dan bagaimana mereka yang mempengaruhi bidang kerja atau kajian.

Tahap	Deskripsi Tahap
<b>8</b>	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk membangunkan pemahaman asli dan memperkembangkan bidang pengetahuan atau amalan professional. Ia menggambarkan kebolehan untuk mengemukakan situasi yang bermasalah yang melibatkan banyak kerumitan, faktor yang saling bertindak melalui memulakan, merekabentuk dan menjalankan penyelidikan, pembangunan atau aktiviti strategik. Ia melibatkan amalan pelbagai autonomi, pengadilan dan kepimpinan dalam perkongsian tanggungjawab bagi pembangunan bidang kerja atau pengetahuan atau bagi penciptaan perubahan professional atau organisasi yang besar. Ia juga menggambarkan pemahaman yang kritikal bagi teori dan kaedah perspektif yang relevan dan bagaimana ianya mempengaruhi bidang pengetahuan atau kerja

Rajah 2.2: Deskripsi Tahap Rangka Kerja Kemahiran Pekerjaan Malaysia (MOSQF)

*Sumber: Bahagian MOSQ, Jabatan Pembangunan Kemahiran*

*Dikaji Semula: 2 April 2009*

### **3. INDUSTRI PERLOMBONGAN DI MALAYSIA- LATAR BELAKANG SEKTOR**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Perlombongan batu-batuhan dan logam telah dijalankan sejak zaman pra-sejarah. Proses perlombongan moden melibatkan proses cari gali bijih mentah, analisa potensi keuntungan lombong yang dicadangkan, pengasingan bahan yang diingini dan penebus-gunaan (guna semula) tanah bagi menyediakannya untuk kegunaan lain setelah lombong ditutup. Perlombongan terbahagi kepada tiga kaedah asas iaitu perlombongan terbuka, perlombongan bawah tanah dan perlombongan bendalir.

Sifat atau keadaan proses-proses perlombongan memberi kesan negatif terhadap alam sekitar ketika operasi perlombongan dijalankan dan beberapa tahun setelah operasi itu berakhir. Kesan ini telah mendorong kebanyakan masyarakat dunia bertanggungjawab menerima segala peraturan mengurangkan kesan negatif operasi perlombongan. Faktor keselamatan telah lama dititikberatkan, dimana amalan moden telah meningkatkan tahap keselamatan di lombong-lombong ini secara berkesan. Perlombongan hari ini mampu mendatangkan keuntungan dan menjalankan aktiviti penemuan bahan mineral dengan lebih selamat dan mempunyai impak negatif yang rendah terhadap alam sekitar.

#### **3.2 DEFINISI SEKTOR PERLOMBONGAN**

Perlombongan ialah pengasingan bahan mineral bernilai atau bahan-bahan *geologikal* lain daripada bumi, lazimnya bijih mentah, barik atau lipit (arang batu). Bahan-bahan asli ini ditemui melalui perlombongan termasuk logam, batu-batu permata, besi, uranium, arang batu, berlian, batu kapur, serpihan minyak, garam bukit dan kalium sulfat. Sebarang bahan asli yang tidak boleh ditanam melalui proses pertanian atau dibentuk secara tiruan di dalam makmal atau kilang, kebiasaannya dilombong. Perlombongan merangkumi pengekstrakan sumber yang tidak boleh dibaharui.

Industri perlombongan Malaysia terdiri daripada sektor kecil seperti arang batu dan perlombongan logam bukan ferum/ ferik (besi), sektor pemprosesan kecil mineral ferum (besi) dan logam bukan ferum (besi) dan perlombongan meluas serta sektor

pemprosesan industri bahan mineral dan minyak & gas. Dengan adanya pengecualian minyak dan gas, perlombongan dan perniagaan pemprosesan bahan mineral dimiliki dan dijalankan oleh syarikat-syarikat persendirian bukan korporat yang terdapat di Malaysia.

### **3.3 ANALISA SEMASA KE ATAS INDUSTRI PERLOMBONGAN**

Kerajaan Malaysia kini menggesa pihak pelombong-pelombong agar menghidupkan kembali perlombongan yang terabai terutama perlombongan timah yang mana juga mendorong kerajaan-kerajaan negeri mengeluarkan lebih banyak lesen bagi industri perlombongan. Setiap negeri bertanggungjawab mengeluarkan lesen berdasarkan panduan agensi-agensi kerajaan antaranya Jabatan Mineral dan Geosains dan Jabatan Alam Sekitar.

Timah dan Petroleum adalah dua sumber mineral yang paling penting kepada ekonomi Malaysia. Malaysia adalah pengeluar timah dunia terbesar sejak keruntuhan pasaran timah di awal 1980an. Di abad ke-19 dan ke-20, timah memainkan peranan lebih luas dalam aspek ekonomi Malaysia. Pada tahun 1972, petroleum dan gas asli telah berubah menjadi mineral utama dalam industri ini. Sumbangan oleh bijih timah kian merosot.

### **3.4 POLISI DAN PELAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PERLOMBONGAN**

#### **(i) Polisi-polisi**

##### **(a) Perintah Penilaian Kesan Alam Sekitar 1987 (EIA)**

Akta Kualiti Persekitaran 1974.

Ia adalah satu akta (An environmental impact assessment) yang diperlukan untuk pajak sewa kawasan perlombongan lebih daripada 250 hektar.

##### **(b) Akta Pembangunan Mineral, 1994**

Enakmen Mineral Peringkat Negeri

Akta ini sedang dalam proses untuk diperaktiskan oleh kerajaan negeri yang berkaitan.

**(c) Akta 525 Pembangunan Mineral 1994**

Akta ini mendefinisikan kuasa Kerajaan Pusat untuk pemantauan dan undang-undang penerokaan mineral dan perlombongan dan isu-isu lain yang berkaitan.

**(d) Pelan-pelan Tanah (Land) dan Perlombongan dan Dokumen (Salinan-salinan fotografi) Akta 1950 (Akta No. 233), disemak 1980**

**(e) Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH)**

*National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)* atau Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan telah dilancarkan pada 1 Disember 1992 selepas persediaan rapi dan komitmen semua parti bagi meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja di tempat kerja di Malaysia. Menteri di Kementerian Sumber Manusia , Malaysia berkata, NIOSH akan menjadi satu “pemangkin kritikal” dalam mempromosikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang juga akan bertindak sebagai “tulang belakang” bagi membentuk “Budaya kebolehaturan sendiri budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia”.

**❖ Penilaian dan Persijilan oleh NIOSH termasuk:**

- Pegawai Keselamatan dan Kesihatan;
- Doktor Keselamatan Pekerjaan;
- Jururawat Keselamatan Pekerjaan;
- *Occupational First Aider;*
- Juruteknik Kebersihan Industri;
- Penaksir Risiko Kesihatan Kimia;
- Penguji Gas yang Dibenarkan;
- Operator Jentera Pengangkut/ Kren;
- Perancah ; dan
- Pemandu Trak Angkut Susun .

## **(ii) Pelan Pembangunan**

### **Pelan Industri Ketiga Malaysia (IMP3)**

Sepanjang tempoh Pelan Industri Ketiga Malaysia (IMP3), 2006 – 2020, industri ini akan terus berkembang dan menyumbang dengan nyata sekali terhadap kemajuan dan perubahan industri. Kekurangan sumber akan berterusan Amalan mengupah syarikat luar (outsourcing) kini berterusan dan menyebabkan syarikat multi nasional (MNC) bersaing dalam perniagaan utama mereka. Dari sekarang hingga jangkamasa panjang, industri ini akan mengukuhkan hubungannya dengan automotif, perubatan, pertahanan dan industri *aerospace*. Pembangunan industri baru dan produk elektrik, melalui aplikasi elektronik dan ICT, akan menarik pelaburan. Sokongan dari pelbagai sektor industri dan perkhidmatan dijangka mampu berkembang bersama pembangunan industri tersebut.

## **3.5 KEPERLUAN TENAGA KERJA MAHIR DALAM SEKTOR PERLOMBONGAN TEMPATAN**

Terdapat kekurangan tenaga kerja bagi semua bahagian dalam industri ini, terutama dalam komoditi perlombongan utama iaitu minyak dan gas, bijih timah dan simen. Terdapat keperluan tenaga kerja mahir dan separuh mahir untuk mengekalkan produk bertaraf tinggi dan berkualiti. Dengan itu, kita perlu mengadakan banyak kerjasama sebagai persediaan menghadapi permasalahan ini.

## **3.6 PERSAINGAN INDUSTRI DI PERINGKAT ANTARABANGSA**

Kini, Malaysia harus bersaing dengan China dalam pengeluaran bahan mineral. Persaingan daripada kos-lombong murah dan baru di Brazil dan menyebabkan potongan mendadak bagi pengeluaran kedua-dua negara iaitu Malaysia dan Indonesia hingga Oktober 1985 yang mana ia merudum jatuh sebanyak 50 peratus. Industri ini telah merosot di Malaysia secara mendadak melebihi Indonesia pada tahun 1988 yang mana ia berterusan menyokong perlombongannya dengan bantuan subsidi yang meluas. Bagaimanapun pengeluaran Malaysia semakin merosot.

## **4. METODOLOGI ANALISA PEKERJAAN – SEKTOR PERLOMBONGAN**

Dalam melaksanakan Analisis Pekerjaan, perjumpaan permulaan telah diadakan bertujuan untuk menstrategikan Pelan Tindakan menurut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dalam terma skop pengajian, kerangka waktu dan perwakilan oleh panel-panel pakar daripada sektor awam dan swasta seperti yang disyaratkan dalam surat penawaran. Selepas perjumpaan tersebut, satu Pelan Tindakan telah dibentuk untuk mengambil pertimbangan aktiviti-aktiviti dan kerangka masa yang diperlukan.

Bab ini dibahagikan kepada 2 bahagian; metodologi untuk membentuk Definisi Pekerjaan bagi setiap Tajuk Pekerjaan dan metodologi bagi keseluruhan proses Analisa Pekerjaan.

### **4.1 KAEADAH PEMBENTUKAN DEFINISI PEKERJAAN**

Metodologi yang digunakan ini merupakan metodologi yang dibentuk oleh fasilitator PRITEC sendiri iaitu Dr. Amiron Ismail yang mana merupakan seorang fasilitator yang berpengalaman dalam pembangunan NOSS, COS, LG dan WIM. Metodologi ini digunakan untuk menghasilkan Definisi Pekerjaan yang jelas dalam skop pekerjaan utama bagi tajuk pekerjaan, kata kerja yang digunakan adalah berdasarkan kepada tahap kesukaran dan objeknya jelas diterangkan.

Di bawah merupakan langkah-langkah utama dalam menghasilkan Definisi Pekerjaan bagi setiap tajuk pekerjaan yang didapati dalam Analisa Pekerjaan:


- (i) Menentukan sub sektor utama dan bidang-bidang dalam sektor;
- (ii) Mengenalpasti tajuk pekerjaan; dan
- (iii) Mengenalpasti skop pekerjaan.

Untuk menghuraikan Definisi Pekerjaan dengan lebih jelas, kenyataan tersebut haruslah mengandungi **kata kerja, objek dan penerang**. Rasional penentuan cirri-ciri definisi adalah untuk memastikan konsistensi dan penerusan penggunaan ciri-ciri tersebut dalam Analisa Pekerjaan, Analisa Kerja kepada Pembangunan Analisa Tugasan.

### (a) Objek


Pertama, objek akan ditentukan sebelum dua ciri-ciri lain. Objek bagi setiap kerja adalah penentu utama bagi membezakan satu kerja dengan kerja yang lain. Contohnya, *demi-chef* (sub sektor dapur bagi Industri Hotel), berurusan dengan makanan dan peralatan memasak sebagai objek untuk melaksanakan tugas. Sementara itu, pendandan rambut berurusan dengan rambut pelanggan, bahan kimia dandanan rambut dan lain-lain.

Objek tersebut diperolehi daripada ahli panel pakar di sepanjang sesi percambahan fikiran dan juga sesi penulisan di atas kad DACUM. Oleh itu, kesemua ahli panel boleh melihat pengenalpastian objek. Objek bagi bidang-bidang atau sub sektor yang berkaitan dengan industri perlombongan ditentukan seperti di bawah:



Rajah 4.1: Contoh Pengenalpastian Objek

*Legend:*



**(b) Kata Kerja**

Kata kerja ditentukan berdasarkan tahap kesukaran bagi tajuk pekerjaan yang telah dikenalpasti seperti di bawah:

- *Objek* : jadual penyenggaraan
- *Kata kerja bagi Tahap 6 : Melaksanakan*
- *Kata kerja bagi Tahap 7 : Menganalisa*
- *Kata kerja bagi Tahap 8 : Menilai*

Oleh itu, kandungan definisi pekerjaan adalah seperti berikut:

- **Pembantu Pengurus Fabrikasi Litar Bersepadu (Tahap 6)**
  - ✓ *Melaksanakan jadual penyenggaraan+ (penerang)*
- **Pengurus Fabrikasi Litar Bersepadu (Tahap 7)**
  - ✓ *Menganalisa jadual penyenggaraan+ (penerang)*
- **Pakar Mikroelektronik (Tahap 8)**
  - ✓ *Menilai jadual penyenggaraan+ (penerang)*

**(c) Penerang**

Berdasarkan kepada contoh di atas, pernyataan tidak jelas yang mana ianya tidak mempunyai penerang bagi objek. Oleh itu penerang perlu ditambah untuk penjelasan lebih lanjut. Di bawah disertakan contoh:

- *Menganalisa jadual penyenggaraan bagi peralatan elektrik dan elektronik.*

## **4.2 KAEDAH KESELURUHAN PROSES ANALISA PEKERJAAN**

### **(i) Kajian Literasi**

Seperti yang digariskan oleh panduan JPK, kajian literasi ke atas sektor perlombongan telah dijalankan untuk mendapat kefahaman tentang skop, polisi, program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam konteks senario Malaysia. Skop yang diliputi dalam kajian ini termasuklah definisi, analisa ke atas sektor, sub sektor dan status terkini industri sektor perlombongan, keperluan pekerja berkemahiran dalam industri tempatan dan persaingan industri pada peringkat antarabangsa.

### **(ii) Mengenalpasti pakar industri dan sektor awam**

Hasil kajian literasi telah digunakan sebagai rujukan untuk mengenalpasti skop kajian pekerjaan. Berdasarkan usahasama dengan syarikat perlombongan, pakar dalam sektor perlombongan dapat dikenalpasti dan disenaraikan untuk hubungan lanjut.

### **(iii) Mewujudkan komunikasi dengan pakar sektor Perlombongan**

Sekumpulan pakar perlombongan daripada industri dan sektor awam telah dihubungi. Senarai pakar tersebut boleh dirujuk di dalam Lampiran 1.

### **(iv) Pengumpulan maklumat**

Dalam proses pengumpulan maklumat, dua kaedah telah digunakan iaitu sumbangsaran (*brainstorming*) dan *Developing a Curriculum* (DACUM). Sesi DACUM dan sumbangsaran ini telah dihadiri panel pakar yang telah membincangkan sub sektor perlombongan. Hasil pengumpulan maklumat telah digunakan sebagai input analisa pekerjaan industri perlombongan.

#### **(v) Penganalisaan Maklumat**

Berdasarkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di atas, maklumat penting telah dikenalpasti. Maklumat dan data ini telah dianalisa dan dibincangkan dalam beberapa bengkel yang dihadiri pakar industri. Kehadiran pakar industri adalah untuk sama-sama membangunkan Analisa Pekerjaan bagi sektor perlombongan. Rangka di bawah digunakan untuk mengkaji semula dan mengubah rangka sub sektor perlombongan:

- (a) Skop sektor perlombongan dan sub sektornya;
- (b) Bidang utama;
- (c) Kumpulan kerja utama dalam industri;
- (d) Tajuk pekerjaan;
- (e) Struktur hierarki (Tahap 1-8); dan
- (f) Definisi pekerjaan.

#### **(vi) Menjalankan bengkel bersama panel pakar**

Bengkel-bengkel pembangunan telah dijalankan bersama panel pakar untuk membangunkan Analisa Pekerjaan bagi sektor perlombongan. Maklumat berkaitan bengkel-bengkel tersebut ada dinyatakan di bawah:

- (a) Dijalankan pada 25 dan 26 Julai, 2009 di De Palma Resort, Shah Alam. Objektif bengkel tersebut adalah:
  - Pembentangan hasil kajian awal
    - ✓ Rangka tajuk pekerjaan
    - ✓ Struktur kerjaya
    - ✓ Struktur Hierarki ( Tahap1 – 8)
    - ✓ Definisi Pekerjaan
  - Sesi Analisa Pekerjaan
  - Pengesahan hasil kajian

(b) Bengkel kedua telah dijalankan pada 2 Ogos, 2009 di De Palma Resort, Shah Alam. Objektif bengkel adalah:

- Mengkaji semula:
  - ✓ Tajuk Pekerjaan
  - ✓ Struktur Kerjaya
  - ✓ Struktur Hierarki ( Tahap1 – 8)
  - ✓ Definisi Pekerjaan
- Pengesahan (*proofreading*) bagi:
  - ✓ Tajuk Pekerjaan
  - ✓ Struktur Kerjaya
  - ✓ Struktur Hierarki ( Tahap1 – 8)
  - ✓ Definisi Pekerjaan
- Pengesahan hasil kajian

## **5. PENEMUAN**

Penemuan daripada kajian yang dijalankan bagi Analisa Pekerjaan sektor Perlombongan boleh dibahagikan kepada 3 kategori iaitu:

- i) Sub sektor baru yang dikenalpasti;
- ii) Tahap kemasukan dan justifikasi; dan
- iii) Tajuk Pekerjaan Kritikal dan bukan kritikal.

Perlu dinyatakan di sini bahawa, cadangan sub sektor perlombongan yang sedia ada dalam daftar NOSS JPK tidak dimasukkan dalam laporan ini kerana tiada pemetaan yang dapat dibuat. Ini adalah kerana matrik OA yang sedia ada adalah bagi sektor Kimia dan Minyak & Gas.

### **5.1 SUB SEKTOR BARU DIKENALPASTI**

Sub sektor baru dikenalpasti bagi sektor perlombongan yang diperolehi melalui hasil kajian literasi dan perbincangan dengan pakar industri semasa sesi-sesi bengkel pembangunannya. Di bawah sub sektor Perlombongan Bahan Mineral terdapat beberapa bahagian iaitu Operasi Sokongan Perlombongan, Perlombongan Bawah tanah, Perlombongan Dedah, Pengkuarian, Perlombongan Persisir Pantai dan Pengorekan.

Matrik OA bagi sektor ini juga terkandung dalam bahagian ini. Sejumlah 38 tajuk pekerjaan sedia ada terdapat dalam cadangan sub sektor. Cadangan sub sektor, bahagian-bahagian dan tajuk-tajuk pekerjaan adalah berdasarkan kepada senario industri semasa dan teknologi perlombongan terkini di Malaysia. Tajuk-tajuk Pekerjaan yang terperinci dan hierarki-hierarkinya juga tekandung dalam bahagian ini. Berikut adalah penerangan setiap sub sektor tersebut.

#### **(a) Perlombongan Bahan Mineral**

Berikut adalah penerangan bagi bidang-bidang yang terdapat dalam sektor Perlombongan Bahan Mineral.

### **(i) Operasi Sokongan Perlombongan**

Bahagian ini dibahagikan kepada 3 sub bahagian antaranya Pemprosesan Bahan, Mineral, Letupan dan Geologi Perlombongan. Terdapat sebanyak 16 Tajuk-tajuk Pekerjaan terkandung dalam Operasi Sokongan Perlombongan.

Bahagian Pemprosesan Bahan Mineral adalah berkaitan dengan loji pemprosesan dan ia bermula pada Tahap 3 hingga Tahap 7, bahagian Letupan bermula daripada Tahap 2 hingga Tahap 7 dan Geologi Perlombongan bermula pada Tahap 3 hingga Tahap 7.

### **(ii) Perlombongan Bawah Tanah (*Underground*)**

Perlombongan bawah tanah dijalankan di kawasan yang terdapat simpanan bijih yang berlebihan. *Syaf* terdiri daripada saluran menegak utama yang mana pekerja dan bijih timah diangkut masuk dan keluar dari kawasan lombong. Lif pelombong-pelombong dipanggil sangkar dan bijih tersebut sampai kepada permukaan menggunakan sebuah kereta yang dipanggil *skip*. Sistem pengudaraan berhampiran *syaf* utama memastikan bahawa pelombong-pelombong menerima udara segar dan mencegah pengumpulan gas yang berbahaya. Sistem potong silang menghubungkan timah mentah kepada *syaf* utama pada beberapa tahap dan tahap-tahap ini disambungkan semula dengan permukaan dipanggil *raises*. *Stopes* adalah ruang-ruang atau bilik-bilik di mana bijih timah dipecahkan dan dilombong. Perlombongan Bawah Tanah melibatkan pengasingan bermula di bawah permukaan sedalam 10,000 kaki (3 km), dengan berbagai kaedah. Bahagian ini bermula pada Tahap 1 hingga 7 dan keseluruhannya mengandungi 7 tajuk pekerjaan.

**(iii) Perlombongan Dedah (*Opencast*)**

Perlombongan Dedah adalah satu kaedah menggali bahan galian mineral mengikut kedudukan bahan daripada permukaan dengan penyodok tanah. Perlombongan jenis ini sesuai untuk melombong bijih timah dalam tanah batuan. Pada 1994, terdapat 9 perlombongan seumpamanya di Perak. Ia menyumbang kira-kira 21% daripada jumlah keseluruhan pengeluaran. Sub sektor ini termasuk skop kerja yang berkaitan dengan lubang dalam tanah; atau landaian atau kawasan perlombongan yang melibatkan pengasingan daripada peringkat-peringkat perparitan yang selari. Keseluruhannya ialah tujuh tajuk pekerjaan dan ia bermula dari Tahap 1 iaitu Operator Perlombongan hingga Tahap 7, iaitu Pakar Bidang Perlombongan.

**(iv) Kuari (*Quarry*)**

Kuari ialah sejenis perlombongan lubang-terbuka daripada batu atau bahan-bahan mineral yang diasingkan. Secara umumnya, pengkuarian dijalankan untuk mengekstrakkan bahan-bahan binaan seperti batu berdimensi, pembinaan batu baur, benteng, pasir dan kerikil. Keseluruhannya terdapat 7 tajuk pekerjaan dan ia bermula daripada Tahap 1 iaitu sebagai Operator Perlombongan hingga Tahap 7, sebagai Pakar Perlombongan.

**(v) Perlombongan Pesisir Pantai (*Offshore Mining*)**

Kawasan pesisir pantai secara umumnya dieksplorasikan dengan menggunakan peralatan melombong tradisional. Teknik ini dipanggil “kaedah menegak,” melibatkan kerja-kerja secara langsung di dasar laut secara terus daripada permukaan vesel sokongan melalui paip aliran keatas yang teguh. Apabila perlu ia juga dipasangkan sistem melepaskan endapan. Menjadikan keseluruhannya 7 tajuk pekerjaan dan ia bermula di Tahap 1 iaitu sebagai Operator perlombongan hingga Tahap 7 iaitu Pakar Perlombongan bagi bahagian Perlombongan Pesisir Pantai.

**(vi) Kapal korek (*Dredging*)**

Kapal korek adalah salah satu kaedah biasa bagi perlombongan bijih timah. Ia dijalankan di kawasan rendah dengan endapan lebihan bijih timah. Kapal korek ialah seperti platform yang terapung-apung di atas tasik buatan. Kaedah kapal korek boleh dijalankan untuk melombong simpanan bijih yang ditemui berhampiran permukaan di kawasan yang berkecenderungan banjir. Ini adalah satu kaedah yang efisien untuk melombong endapan bijih timah dan ia sangat mahal. Kaedah kapal korek adalah sejenis perlombongan di permukaan yang mana ia mengorek sehabisnya daripada tongkang tundaan. Bahagian ini juga bermula sebagai Operator Perlombongan dan dipersetujui hingga Tahap 7 iaitu Pakar Perlombongan.

Sektor	Industri Perlombongan									
Sub Sektor	Perlombongan Bahan-bahan Mineral									
Bidang	Operasi Sokongan Perlombongan			Perlombongan Bawah Tanah	Perlombongan Dedah	Kuari	Perlombongan Pesisir Pantai	Perlombongan Kapal Korek		
Sub Bidang Tahap	Pemprosesan Bahan Mineral	Letupan	Geologi Perlombongan							
TAHAP 8	Tiada Tahap	Tiada Tahap	Tiada Tahap	Tiada Tahap	Tiada Tahap	Tiada Tahap	Tiada Tahap	Tiada Tahap		
TAHAP 7	Pakar Pemprosesan Bahan Mineral	Pakar Letupan *	Pakar Geologi Perlombongan	Pakar Perlombongan				Tiada Tahap		
TAHAP 6	Superintenden Pemprosesan Bahan Mineral	Superintenden Letupan *	Geologis Perlombongan	Superintenden Perlombongan Bawah Tanah	Superintenden Perlombongan Dedah *	Superintenden Kuari*	Superintenden Perlombongan Pesisir Pantai *	Ketua Kapal Korek		
TAHAP 5	Teknologis Pemprosesan Bahan Mineral	Teknologis Letupan *	Pembantu Geologis Perlombongan	Teknologis Perlombongan Bawah Tanah	Teknologis Perlombongan Dedah *	Teknologis Kuari *	Teknologis Perlombongan Pesisir Pantai *	Pembantu Ketua Kapal Korek		
TAHAP 4	Pembantu Teknologis Pemprosesan Bahan Mineral	Penembak Tepat*	Penyelia Prospek Perlombongan	Pembantu Teknologis Perlombongan Bawah Tanah	Pembantu Teknologis Perlombongan Dedah *	Pembantu Teknologis Kuari *	Pembantu Teknologis Perlombongan Pesisir Pantai *	Formen/ Penyelia Kapal Korek		
TAHAP 3	Formen/ Penyelia Pemprosesan Bahan Mineral	Pembantu Penembak Tepat*	Juruteknik Prospek Perlombongan	Formen/ Penyelia Perlombongan Bawah Tanah	Mandur Lombong (Perlombongan Dedah/ Kuari) *		Formen/ Penyelia Perlombongan Pesisir Pantai *	Penjaga Takal Kapal Korek		
TAHAP 2	Tiada Tahap	Penggerudi*	Tiada Tahap	Juruteknik Perlombongan *						
TAHAP 1	Tiada Tahap	Tiada Tahap	Tiada Tahap	Operator Perlombongan*						

\* Tajuk Pekerjaan Kritikal

Rajah 5.1: Cadangan OA Matriks Industri Perlombongan

Sub Sektor		Perlombongan Bahan-bahan Mineral		
Bidang		Operasi Sokongan Perlombongan		
Tahap	Sub Bidang	Pemprosesan Bahan-bahan Mineral	Letupan	Geologi Perlombongan
TAHAP 8		Tiada Tahap	Tiada Tahap	Tiada Tahap
TAHAP 7		Pakar Pemprosesan Bahan Mineral	Pakar Letupan *	Pakar Geologi Perlombongan
TAHAP 6		Superintenden Pemprosesan Bahan Mineral	Superintenden Letupan *	Geologis Perlombongan
TAHAP 5		Teknologis Pemprosesan Bahan Mineral	Teknologis Letupan *	Pembantu Geologis Perlombongan
TAHAP 4		Pembantu Teknologis Pemprosesan Bahan Mineral	Penembak Tepat*	Penyelia Prospek Perlombongan
TAHAP 3		Formen/ Penyelia Pemprosesan Bahan Mineral	Pembantu Penembak Tepat*	Juruteknik Prospek Perlombongan
TAHAP 2		Tiada Tahap	Penggerudi *	Tiada Tahap
TAHAP 1		Tiada Tahap	Tiada Tahap	Tiada Tahap

\* Tajuk Pekerjaan Kritikal

Rajah 5.2: Cadangan Bidang Operasi Sokongan Perlombongan

<b>Sub Sektor</b>	<b>Perlombongan Bahan-bahan Mineral</b>
<b>Bidang</b>	<b>Perlombongan Bawah Tanah</b>
TAHAP 8	Tiada Tahap
TAHAP 7	Pakar Perlombongan
TAHAP 6	Superintenden Perlombongan Bawah Tanah
TAHAP 5	Teknologis Perlombongan Bawah Tanah
TAHAP 4	Pembantu Teknologis Perlombongan Bawah Tanah
TAHAP 3	Formen/ Penyelia Perlombongan Bawah Tanah
TAHAP 2	Juruteknik Kanan Perlombongan*
TAHAP 1	Operator Perlombongan*

\*Tajuk Pekerjaan Kritikal

Rajah 5.3: Cadangan Bidang Perlombongan Bawah Tanah

<b>Sub Sektor</b>	<b>Perlombongan Bahan-bahan Mineral</b>
<b>Bidang</b>	<b>Perlombongan Dedah</b>
<b>Tahap</b>	
TAHAP 8	Tiada Tahap
TAHAP 7	Pakar Perlombongan
TAHAP 6	Superintenden Perlombongan Dedah *
TAHAP 5	Teknologis Perlombongan Dedah *
TAHAP 4	Pembantu Teknologis Perlombongan Dedah *
TAHAP 3	Mandur Lombong (Perlombongan Dedah/ Kuari) *
TAHAP 2	Juruteknik Kanan Perlombongan *
TAHAP 1	Operator Perlombongan*

\* Tajuk Pekerjaan Kritikal

Rajah 5.4: Cadangan Bidang Perlombongan Dedah

<b>Sub Sektor</b>	<b>Perlombongan Bahan-bahan Mineral</b>
<b>Tahap</b>	<b>Bidang</b>
TAHAP 8	Tiada Tahap
TAHAP 7	Pakar Perlombongan
TAHAP 6	Superintenden Kuari*
TAHAP 5	Teknologis Kuari *
TAHAP 4	Pembantu Teknologis Kuari *
TAHAP 3	Mandur Lombong (Perlombongan Dedah/ Kuari) *
TAHAP 2	Juruteknik Kanan Perlombongan *
TAHAP 1	Operator Perlombongan*

\* Tajuk Pekerjaan Kritikal

Rajah 5.5: Cadangan Bidang Kuari

<b>Sub Sektor</b>	<b>Perlombongan Bahan-bahan Mineral</b>
<b>Bidang</b>	<b>Perlombongan Pesisir Pantai</b>
<b>Tahap</b>	
TAHAP 8	Tiada Tahap
TAHAP 7	Pakar Perlombongan
TAHAP 6	Superintenden Perlombongan Pesisir Pantai *
TAHAP 5	Teknologis Perlombongan Pesisir Pantai *
TAHAP 4	Pembantu Teknologis Perlombongan Pesisir Pantai*
TAHAP 3	Formen/ Penyelia Perlombongan Pesisir Pantai *
TAHAP 2	Juruteknik Kanan Perlombongan *
TAHAP 1	Operator Perlombongan*

\* Tajuk Pekerjaan Kritikal

Rajah 5.6: Cadangan Bidang Perlombongan Pesisir Pantai

<b>Sub Sektor</b>	<b>Perlombongan Bahan-bahan Mineral</b>
<b>Tahap</b>	<b>Bidang</b>
TAHAP 8	Tiada Tahap
TAHAP 7	Tiada Tahap
TAHAP 6	Ketua Kapal Korek
TAHAP 5	Pembantu Ketua Kapal Korek
TAHAP 4	Formen/ Penyelia Kapal Korek
TAHAP 3	Penjaga Takal Kapal Korek
TAHAP 2	Juruteknik Kanan Perlombongan *
TAHAP 1	Operator Perlombongan*

\* Tajuk Pekerjaan Kritikal

Rajah 5.7: Cadangan Bidang Perlombongan Kapal Korek (Dredging)

## **5.2 TAHAP KEMASUKAN/ LALUAN KERJAYA**

### **(i) Kemasukan pada Tahap 1**

**Sub sektor: Perlombongan Bawah Tanah, Perlombongan Dedah,  
Kuari, Perlombongan Pesisir Pantai, Kapal Korek**

<b>Perlombongan Dedah</b>	<b>Kuari</b>	<b>Perlombongan Pesisir Pantai</b>	<b>Kapal Korek</b>
Tahap 7	Tahap 7	Tahap 7	Tahap 7
Tahap 6	Tahap 6	Tahap 6	Tahap 6
Tahap 5	Tahap 5	Tahap 5	Tahap 5
Tahap 4	Tahap 4	Tahap 4	Tahap 4
Tahap 3	Tahap 3	Tahap 3	Tahap 3
Tahap 2	Tahap 2	Tahap 2	Tahap 2
Tahap 1	Tahap 1	Tahap 1	Tahap 1

<b>Perlombongan Bawah Tanah</b>
Tahap 7
Tahap 6
Tahap 5
Tahap 4
Tahap 3
Tahap 2
Tahap 1

Bidang-bidang Perlombongan Bawah Tanah, Perlombongan Dedah, Kuari, Perlombongan Pesisir Pantai, dan Kapal Korek bermula pada Tahap 1, kerana tugasan seorang Operator Perlombongan adalah rutin dan boleh dijangkakan. Mereka boleh meneruskan kerjaya bermula dari tahap 1 hingga tahap 7 iaitu Pakar berdasarkan pengalaman dan kompetensi yang ditimba.

**(ii) Kemasukan pada Tahap 2**

**Sub sektor: Letupan (Di bawah sub sektor Operasi Sokongan**

**Perlombongan)**

<b>Operasi Sokongan Perlombongan (Letupan)</b>
Tahap 7
Tahap 6
Tahap 5
Tahap 4
Tahap 3
Tahap 2
Tiada Tahap

Kemasukan dalam bidang ini bermula pada Tahap 2 kerana skop pekerjaan dan tugas-tugas bukan rutin dan memerlukan kuasa serta tanggungjawab. Tugasnya juga memerlukan kebolehan membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

**(iii) Kemasukan pada Tahap 3**

**Sub sektor: Pemprosesan Bahan Mineral dan Geologi Perlombongan**

**(Di bawah Sub sektor Operasi Sokongan Perlombongan)**

<b>Pemprosesan Bahan Mineral</b>	<b>Geologi Perlombongan</b>
Tahap 7	Tahap 7
Tahap 6	Tahap 6
Tahap 5	Tahap 5
Tahap 4	Tahap 4
Tahap 3	Tahap 3
Tiada Tahap	Tiada Tahap
Tiada Tahap	Tiada Tahap

Tahap kemasukan ialah pada Tahap 3 bagi bidang Pemprosesan Bahan Mineral dan Geologi Perlombongan. Pra kemasukan memerlukan bidang-bidang tersebut daripada sub sektor lain dalam industri perlombongan. Syarat kemasukan ke bidang ini memerlukan kemahiran teknikal yang tinggi dan kepakaran pada Tahap 3 dari bidang-bidang lain di bawah sektor Perlombongan.

### **5.3 DEFINISI PEKERJAAN**

Di bawah sektor perlombongan, tajuk-tajuk pekerjaan telah ditentukan dan ditakrifkan. Setiap tajuk pekerjaan diberi definisi kerja yang tertentu. Definisi bagi semua tajuk-tajuk pekerjaan boleh dilihat menerusi *Lampiran 2*.

### **5.4 TAJUK PEKERJAAN KRITIKAL DAN TIDAK KRITIKAL**

Tajuk pekerjaan kritikal ditentukan berdasarkan kepada analisa yang dijalankan bersama panel pakar. Tajuk pekerjaan kritikal ini telah dikenalpasti kerana kini diperlukan oleh industry. Latihan kemahiran formal dan persijilan diperlukan bagi menakrifkan dan memastikan standard kemahiran tenaga kerja industri perlombongan. Bagi sektor Perlombongan, sejumlah **19 tajuk pekerjaan** diambil kira sebagai **kritikal** dan **19 tajuk pekerjaan** adalah **tidak kritikal**. Berdasarkan input daripada ahli panel pakar, dapat dirumuskan bahawa tajuk pekerjaan kritikal bagi industri ini adalah daripada sub sektor; Letupan, Kuari, Perlombongan Pesisir Pantai dan Perlombongan Dedah. Di bawah adalah tajuk pekerjaan kritikal yang dikenalpasti.

#### **(i) Tajuk-Tajuk Pekerjaan Kritikal**

##### **(a) Bidang: Operasi Sokongan Perlombongan: Letupan**

No.	Tajuk Pekerjaan	Tahap
1	Pakar Letupan	T7
2	Superintenden Letupan	T6
3	Teknologis Letupan	T5
4	Penembak Tepat	T4
5	Pembantu Penembak Tepat	T3
6	Penggerudi	T2

**(b) Bidang: Bawah Tanah/ Dedah/ Kuari/ Pesisir Pantai/ Perlombongan Kapal Korek**

No.	Tajuk Pekerjaan	Tahap
1	Juruteknik Kanan Perlombongan	T2
2	Operator Perlombongan	T1

**(c) Bidang: Perlombongan Dedah**

No.	Tajuk Pekerjaan	Tahap
1.	Superintenden Perlombongan Dedah	T6
2.	Teknologis Perlombongan Dedah	T5
3.	Pembantu Teknologis Perlombongan Dedah	T4
4.	Mandur Lombong (Perlombongan Dedah/ Kuari)	T3

**(d) Bidang: Kuari**

No.	Tajuk Pekerjaan	Tahap
1.	Superintenden Kuari	T6
2.	Teknologis Kuari	T5
3.	Pembantu Teknologis Kuari	T4

**(e) Bidang: Perlombongan Pesisir Pantai**

No.	Tajuk Pekerjaan	Tahap
1.	Superintenden Perlombongan Pesisir Pantai	T6
2.	Teknologis Perlombongan Pesisir Pantai	T5
3.	Pembantu Teknologis Perlombongan Pesisir Pantai	T4
4.	Formen/ Penyelia Perlombongan Pesisir Pantai	T3

**(ii) Tajuk-tajuk Pekerjaan Tidak Kritikal**

Tajuk-tajuk pekerjaan di bawah kategori ini tidak menggambarkan bahawa ia tidak kritikal dalam industri tetapi hanya mewakili kategori tajuk-tajuk pekerjaan yang kekurangan pekerja mahir dalam masa terdekat dan tidak memerlukan kaji semula keatas Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau latihan kemahiran dengan kadar segera. Berikut adalah senarai tajuk-tajuk pekerjaan tidak kritikal.

**(a) Bidang: Operasi Sokongan Perlombongan: Pemprosesan Bahan Mineral**

No.	Tajuk Pekerjaan	Tahap
1.	Pakar Pemprosesan Bahan Mineral	T7
2.	Superintenden Pemprosesan Bahan Mineral	T6
3.	Teknologis Pemprosesan Bahan Mineral	T5
4.	Pembantu Teknologis Pemprosesan Bahan Mineral	T4
5.	Formen/ Penyelia Pemprosesan Bahan Mineral	T3

**(b) Bidang: Operasi Sokongan Perlombongan: Geologi Perlombongan**

No.	Tajuk Pekerjaan	Tahap
1.	Pakar Geologis Perlombongan	T7
2.	Geologis Perlombongan	T6
3.	Pembantu Geologis Perlombongan	T5
4.	Penyelia Prospek Perlombongan	T4
5.	Juruteknik Prospek Perlombongan	T3

**(c) Bidang: Perlombongan Bawah Tanah**

No.	Tajuk Pekerjaan	Tahap
1.	Superintenden Perlombongan Bawah Tanah	T6
2.	Teknologis Perlombongan Bawah Tanah	T5
3.	Pembantu Teknologis Perlombongan Bawah Tanah	T4
4.	Formen/ Penyelia Perlombongan Bawah Tanah	T3

**(d) Bidang: Bawah Tanah/ Dedah/ Kuari/ Perlombongan Pesisir Pantai**

No.	Tajuk Pekerjaan	Tahap
1.	Pakar Perlombongan	T7

**(e) Bidang: Kapal Korek**

No.	Tajuk Pekerjaan	Tahap
1.	Ketua Kapal Korek	T6
2.	Pembantu Ketua Kapal korek	T5
3.	Formen/ Penyelia Kapal Korek	T4
4.	Penjaga Takal Kapal Korek	T3

**(iii) Rumusan Tajuk Pekerjaan Kritikal dan Bukan Kritikal**

SUB SEKTOR			TAHAP								JUMLAH
			TT	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	
Perlombongan Bahan Mineral	Operasi Sokongan Perlombongan	<i>Kritikal</i>	0	0	1	1	1	1	1	1	6
		<i>Bukan Kritikal</i>	0	0	0	2	2	2	2	0	10
	Perlombongan Bawah Tanah	<i>Kritikal</i>	0	1	1	0	0	0	0	0	2
		<i>Bukan Kritikal</i>	0	0	0	1	1	1	1	0	5
	Perlombongan Dedah	<i>Kritikal</i>	0	0	0	1	1	1	1	0	4
		<i>Bukan Kritikal</i>	0	0	0	0	0	0	0	1	1
	Kuari	<i>Kritikal</i>	0	0	0	0	1	1	1	0	3
		<i>Bukan Kritikal</i>	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Perlombongan Bawah Tanah	<i>Kritikal</i>	0	0	0	1	1	1	1	0	4
		<i>Bukan Kritikal</i>	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Kapal Korek	<i>Kritikal</i>	0	0	0	0	0	0	0	0	0
		<i>Bukan Kritikal</i>	0	0	0	1	1	1	1	0	4
		Jumlah	<i>Kritikal</i>								19
			<i>Bukan Kritikal</i>								19
		Jumlah Tajuk Pekerjaan									38

Rajah 5.8: Jadual Tajuk Pekerjaan Kritikal dan Bukan Kritikal

## **6. KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Hasil daripada Analisa Struktur Pekerjaan sektor perlombongan yang dikendalikan bersama ahli panel pakar dari pelbagai sub sektor perlombongan dan organisasi, sebanyak 38 tajuk pekerjaan dan 6 sub sektor telah dikenalpasti. Sektor perlombongan adalah sebuah industri yang berpotensi besar. Dalam segmen industri Perlombongan, syarikat-syarikat milik Malaysia menjalankan usahasama dalam mengeluarkan bahan mineral lain dan produk perlombongan bagi pasaran domestik dan eksport.

Minat pihak kerajaan yang sangat tinggi dalam menghidupkan semula industri perlombongan dan aktiviti-aktiviti eksplorasi negara dibuktikan dengan pemansuhan duti eksport kebanyakan bahan mineral, kecuali bijih besi dan bahan tepu. Import duti yang tinggi ke atas bahan-bahan mineral dan pengurangan duti import ke atas peralatan perlombongan adalah diantara beberapa insentif bagi pengusaha-pengusaha tempatan. Polisi yang dikaji semula kini memberi keutamaan dalam memperakui hak eksplorasi bagi pemegang lesen perlombongan sedia ada. Ini adalah sokongan tambahan kepada kontraktor-kontraktor perlombongan tempatan untuk kekal dalam perniagaan. Sesi pembangunan struktur Analisa Pekerjaan Industri Perlombongan, telah mengenalpasti tajuk pekerjaan yang belum wujud bagi Industri Perlombongan dalam daftar SKPK terdahulu. Keadaan ini membolehkan tenaga kerja dalam industri ini dilatih secara formal pada semua tahap tertentu dan melahirkan tenaga kerja mahir dan progresif .

Perlombongan merangkumi pengekstrakan sumber yang tidak boleh dibaharui seperti yang dinyatakan diatas termasuk minyak dan gas. Industri minyak dan gas merupakan antara penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia. Industri ini amatlah luas dan terdiri daripada aktiviti hiliran dan huluan. Disebabkan skalanya yang besar, maka ia tidak dimasukkan kedalam rangka Analisa Pekerjaan Perlombongan ini dan dicadangkan agar didefinisikan dalam sebuah rangka analisa pekerjaannya tersendiri iaitu rangka Analisa Pekerjaan Industri Minyak dan Gas. Ini adalah agar amalan industri minyak dan gas dapat dilihat secara keseluruhan.

Dengan sokongan kerajaan serta dilengkapi sumber manusia yang mencukupi, industri ini boleh dikembangkan lagi dengan adanya usahasama di antara kerajaan, syarikat-syarikat perlombongan dan pusat latihan.

## **7. RUJUKAN**

1. Ninth Malaysian Plan ( 2006-2010).Bernama.2006
2. IMP3 Third Industrial Master Plan (2006 – 2020).
3. Ministry of International Trade and Industry Malaysia.2006.  
<http://webevents.bernama.com/events/imp3/>
4. E-NOSS. Jabatan Pembangunan Kemahiran.2008  
<http://www.nvtc.gov.my/enoss/index.html>
5. [www.mohr.gov.my/eNOSS](http://www.mohr.gov.my/eNOSS)
6. [www.Wikipedia.com](http://www.Wikipedia.com)
7. <http://sunsite.nus.edu.sg/apcel/dbase/malaysia/reportma.html>
8. <http://www1.american.edu/projects/mandala/TED/tin.htm>
9. <http://www.businessmonitor.com/mining/malaysia.html>
10. <http://www.ifremer.fr/docelec/notice/1990/notice1168-EN.htm>
11. [http://www.abisnet.com/malaysia\\_1.htm#Mining](http://www.abisnet.com/malaysia_1.htm#Mining)
12. <http://www.kpu.gov.my:1025/commodities/txmine.html>

